

SPA perluutamakan kakitangan kontrak

Sinar 04-03-2010 ms.N10

SHAHALAM - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) diminta memberi keutamaan kepada kakitangan kontrak yang diberhentikan bagi mengisi kekosongan jawatan awam tahun ini.

Ketua Penerangan Pas Pusat, Idris Ahmad berkata, sebahagian besar kakitangan terbabit mempunyai kemampuan dan pengalaman dalam bidang masing-masing.

"Kakitangan ini layak untuk meneruskan perkhidmatan dan diterima sebagai kakitangan tetap kerana mereka mempunyai potensi dan kelayakan.

"Dianggarkan lebih 60,000 kakitangan kontrak dalam pelbagai perkhidmatan awam kerajaan akan diberhentikan bagi menyelaraskan dasar jimat cermat kerajaan," katanya dalam kenyataan kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, adalah menjadi tanggungjawab SPA untuk memastikan negara tidak mengalami masalah dengan mengambil pekerja baru yang perlu diberi latihan sama seperti pekerja kontrak.

Idris berkata, dengan mengambil kakitangan kontrak yang diberhentikan, SPA dapat membantu mereka dengan memberi peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

Merujuk kepada isu yang timbul di dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 4 Mac 2010, dimaklumkan bahawa urusan pengambilan pegawai kontrak ke jawatan tetap adalah berpandukan kepada garis panduan yang telah ditetapkan demi menjamin peluang yang adil dan sama rata kepada semua calon yang berkelayakan.

Pengambilan pegawai sama ada secara tetap atau kontrak bagi calon-calon yang berdaftar dengan SPA adalah melalui persaingan terbuka (*open competition*) di mana calon-calon perlu melepasi syarat lantikan sesuatu skim perkhidmatan itu dan tapisan tertentu yang ditetapkan oleh SPA seperti bidang pengkhususan yang merujuk kepada ijazah yang dimiliki, CGPA dan gred mata pelajaran bagi calon yang memiliki sijil persekolahan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seterusnya calon-calon yang layak akan dipanggil menghadiri tapisan seterusnya sama ada peperiksaan atau temu duga atau kedua-duanya sekali. Hanya calon yang didapati menunjukkan prestasi cemerlang dalam tapisan yang dikenakan ini, akan dilantik oleh SPA.

Oleh yang demikian, bagi calon kontrak yang ditamatkan perkhidmatan sekiranya masih berminat untuk berkhidmat di dalam sektor awam perlulah membuat permohonan pendaftaran dengan SPA seperti calon lain dan pemilihan adalah berdasarkan merit dan prestasi semasa ditemu duga.